

Newspaper	Berita Harian
Date	1/10/2012

Dr M tak minat jadi pengantara antarabangsa

B4-1/10/2012

New York: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak berminat memainkan peranan sebagai pengantara antarabangsa seperti bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair atau bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), Jimmy Carter.

Beliau menyatakan perkara itu pada perjumpaan tidak rasmi dengan pelajar Malaysia di pejabat wakil Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, kelmarin.

Selepas menerima Anugerah Peringatan Rafik Hariri PBB-Habitat pada malam Jumaat lalu, beberapa hadirin bertanya Dr Mahathir sama ada beliau ingin memainkan peranan sebagai orang tengah untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa berdasarkan pengalaman luasnya di peringkat antarabangsa dan kedudukan beliau sebagai negarawan terkemuka.

"Saya rasa saya tidak layak memainkan peranan itu," katanya kepada BERNAMA sambil memberi alasan dalam nada berjenaka bahawa "dunia tidak akan mendengar cakap saya dan orang akan tetap melakukan apa yang mereka sukai...Jadi, saya menolak kemungkinan itu."

Pada majlis berkenaan, Dr Mahathir kelihatan tenang



Dr Mahathir ketika berada di New York, semalam. [FOTO BERNAMA]

dan santai ketika menjawab soalan pelajar mengenai pelbagai isu, daripada keadaan politik di Malaysia dan langkah Malaysia untuk beralih menjadi sebuah negara maju, hinggalah kepada sengketa China-Jepun.

Perlu kerajaan kuat

"Untuk mengurus sebuah negara pelbagai kaum, pelbagai

maju. Malah, ada yang sanggup berkata kami (di Malaysia) tidak semaju seperti orang di negara tempat anda belajar.

"Apabila anda membandingkan sesuatu yang baik dengan sesuatu yang lebih baik, maka negara anda akan kelihatan tidak begitu baik. Tapi, sekiranya anda bandingkan negara anda dengan sesuatu yang tidak begitu baik, maka perkara yang tidak berapa baik ini akan mula kelihatan baik," katanya.

Gesa pulang ke tanah air

Beliau menggesa pelajar Malaysia supaya pulang ke tanah air selepas menamatkan pengajian masing-masing untuk menyumbang pengetahuan mereka dalam membangunkan negara.

"Bantulah Malaysia mencapai matlamatnya untuk menjadi negara maju menjelang 2020," kata Dr Mahathir sambil menegaskan walaupun berdepan kemelesetan global, Malaysia terus berkembang dan 'mampu melepaskan diri daripada graviti', seperti yang disebut *Financial Times* baru-baru ini.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke pejabat perwakilan Malaysia itu disambut Duta Malaysia di Washington, Datuk Othman Hashim.